

06 MAR 2000

Mahathir-Maklumat

DR MAHATHIR KUMPUL MAKLUMAT MENGENAI KEDUDUKAN UMNO

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau akan berjumpa dengan para pemimpin parti, termasuk dari pergerakan Wanita dan Pemuda di peringkat negeri dan bahagian untuk mengetahui lebih lanjut kedudukan Umno dalam usaha memulihkan parti.

Katanya beliau sebelum ini telahpun berjumpa dengan ketua-ketua bahagian dan mendapati maklum balas mereka amat berguna.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di ibu pejabat parti di sini, Perdana Menteri berkata beliau akan berjumpa dengan ketua-ketua Wanita negeri dan Pemuda negeri secara berasingan.

"Saya akan terus berjumpa dengan ketua-ketua bahagian dan kumpulan-kumpulan lain supaya saya dapat menerima maklumat berkenaan dengan kedudukan parti dan pendapat mereka," katanya.

Bagaimanapun Dr Mahathir tidak dapat menyatakan bila perjumpaan itu akan diadakan.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata perjumpaan beliau dengan mereka tidak mempunyai kaitan dengan sebarang kempen bagi menghadapi pemilihan Umno Mei ini.

"Kita tak membincangkan langsung berkenaan dengan kempen, kita bincang berkenaan pemilihan parti sahaja.

"Sebenarnya saya tak memberi pendapat apa-apa. Cuma untuk mendengar apa dia masalah dalam parti yang mereka ketahui supaya saya dapat membuat nota dan menggunakannya untuk pemulihan parti," kata beliau.

Katanya beliau telah memaklumkan kepada MT mengenai pertemuannya dengan ketua-ketua bahagian.

Perdana Menteri juga berkata Umno kini dalam proses mengumpul segala tohmahan dan fitnah yang dilemparkan terhadap parti itu .

-- BERNAMA

ES RON